

**Bab 5:
Kesimpulan
dan
Saranan**

A. KESIMPULAN

Berasaskan kepada perbincangan-perbincangan yang menyentuh doktrin dosa warisan ini, dapatlah dirumuskan secara umum bahawa agama Kristian kini telah jauh berbeza daripada ajaran asal Jesus Christ. Ajaran-ajarannya jelas memperlihatkan adunan daripada kepelbagaiannya agama Pagan dan agama Yahudi. Oleh kerana itu, segala doktrin asasnya iaitu doktrin dosa warisan, triniti, baptis, *confession* dan seumpamanya adalah ambilan daripada agama Pagan dan agama Yahudi. Ini adalah berkait dengan usaha St. Paul sebagai pengasas yang bertanggungjawab memperkenalkannya untuk meletakkan Kristian sebagai agama berbentuk universal. Usaha St. Paul untuk menghancurkan agama Kristian iaitu secara halus melalui pengisytiharan kepercayaannya daripada Yahudi kepada Kristian. Ini bererti agama Yahudi masih tetap utuh dengan identitinya agama samawi, tetapi tidak bagi agama Kristian.

Doktrin dosa warisan adalah titik tolak kepada perlaksanaan doktrin lain dalam agama Kristian termasuk triniti yang merupakan tunjang akidah Kristian kini. Doktrin dosa warisan telah meletakkan kematian Jesus Christ di tiang salib sebagai asas kukuh untuk penetapan perlaksanaan penebusan dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve. Berasaskan sifat kasih sayang Tuhan telah mengurnikan zat-Nya yang dititiskan kepada manusia. Mary yang terpilih daripada wanita Bani Israel kerana kesuciannya dan tersedia untuk Tuhan sebagai *Virgin Mary* dan *God Bearer*. Justeru, Jesus Christ juga dilahirkan suci kerana ia adalah *Son of God* dan *Man of God*. Jesus Christ

sahaja yang layak untuk memikul tanggungjawab sebagai penebus dosa warisan.

Doktrin dosa warisan yang diperkenalkan oleh St. Paul ini kemudiannya diaplikasikan oleh St. Augustine sebagai doktrin utama agama Kristian dan khususnya dalam mazhab Katholik ataupun Roman Katholik. Perlaksanaan praktikal dosa warisan ini diasaskan kepada hujjah dan keterangan yang termaktub di dalam kitab suci agama Kristian iaitu *The Old Testament* dan *The New Testament*. Walaupun ternyata keterangan-keterangan kepada doktrin dosa warisan tersebut hanya disebut secara tidak langsung seperti kesalahan Adam dan Eve, kematian Jesus Christ di tiang salib sebagai penebus dosa, santapan makan malam terakhir Jesus Christ dengan para pengikutnya adalah salah satu cara menghapuskan dosa telah dijadikan sebagai dalil ke arah penetapan doktrin dosa warisan. Ini dilakukan dengan hasil kepakaran dan pemikiran falsafah St. Paul dan St. Augustine.

Kenyataan-kenyataan tersebut telah dieksplotasi secara baik untuk membuktikannya seolah-olah ajaran Jesus Christ. Walaupun asasnya dirujuk kepada ajaran agama Pagan dan falsafah lama, namun doktrin dosa warisan akhirnya diiktiraf sebagai ajaran agama Kristian yang benar. Oleh kerana itu, penentang-penentang kepada doktrin dosa warisan adalah dikecam dan tidak diiktiraf sebagai penganut setia agama Jesus Christ seperti yang berlaku kepada Pelagius. Persidangan-persidangan gereja yang dilaksanakan turut mengiktiraf kebenaran ajaran tentang dosa warisan dan menyelar

penentangnya seperti Persidangan Orange (529M) dan Persidangan Trent (1545M-1563M) yang diiktiraf oleh mazhab Katholik.

Konsep doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian berbeza walaupun ianya merupakan hasil rangkuman daripada kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan agama Pagan dan agama Yahudi. Ini kerana ianya mempengaruhi keseluruhan perjalanan hidup manusia di dunia mahupun di Kerajaan Tuhan kelak. Doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian menjadikan Jesus Christ sebagai sandaran utamanya di dalam membina dan membangunkan doktrin tersebut yang disesuaikan mengikut iklim dan persekitaran agama Kristian yang dilingkari dunia agama Pagan. Doktrin dosa warisan yang cuba ditonjolkan di dalam agama Kristian bukan sahaja menyebabkan manusia mewarisi sifat buruk yang dipunyai oleh Adam iaitu kecenderungan untuk melakukan dosa dan kejahatan, malahan turut menyebabkan manusia mewarisi dosa pertama Adam. Dosa pertama yang diwarisi ataupun dosa warisan tersebut telah menyebabkan dalaman diri manusia rosak, korup dan sentiasa terdedah kepada dosa dan kesalahan. Justeru, semua manusia hinggakan bayi yang baru lahir tidak dapat lari daripadanya kerana mereka merupakan keturunan Adam dan Eve. Manusia tidak dapat lari daripada melakukan tujuh kesalahan utama ataupun *seven deadly sins* iaitu *gluttony, greed, sloth, envy, wrath, pride* dan *lust*. Hanya kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai seorang penyelamat sahaja yang dapat menyelamatkan manusia daripada sumpahan tersebut. Beliau merupakan manusia, *man of God* dan juga *Son of God* yang bertanggungjawab

mendamaikan manusia dengan Tuhan melalui pengaliran darahnya sebagai suatu tindakan penyucian dan penyelamatan ras manusia daripada kesengsaraan dosa warisan.

Namun demikian, secara keseluruhannya konsep doktrin dosa warisan yang diperkenalkan di dalam agama Kristian terlalu kabur dan banyak persoalan timbul hasil kekaburan tersebut. Sifatnya yang terlalu subjektif juga telah menyebabkan berlakunya banyak pentafsiran dan interpretasi tentang doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik. Tidak ada persepkatan di kalangan para sarjana dan ahli agama tentang bagaimakah sebenarnya dosa tersebut menjangkiti keturunan manusia, bagaimana pula dengan kedudukan dalaman diri Adam boleh rosak sebelum melakukan dosa. Adakah dosa warisan telah benar-benar terhapus dengan kematian Jesus Christ, sedangkan ianya terus menjangkiti manusia walaupun selepas penebusan dosa dilakukan oleh Jesus Christ di palang salib dan bagaimana pula dengan nasib umat-umat dan nabi-nabi dahulukala khususnya dari kalangan bangsa Yahudi sebelum perutusan Jesus Christ yang tidak dihapuskan dosa warisan mereka dan tidak bersatu dengan Jesus Christ serta pelbagai lagi bentuk persoalan yang tidak begitu jelas.

Oleh kerana penebusan dosa warisan ataupun *atonement* yang dilakukan oleh Jesus Christ bukan merupakan penebusan yang mutlak, maka beberapa bentuk praktikal yang berbentuk *scrament* diperkenalkan bertujuan untuk menghapuskan dosa warisan yang dikatakan diasaskan oleh Jesus

Christ. *Sacrament* baptis merupakan *sacrament* yang paling utama bagi pengikut agama Kristian di mana ia punya kaitan yang langsung dengan pengampunan dosa dan penyucian diri daripada dosa warisan. Baptis juga merupakan penghubung kepada *sacrament* lain di dalam agama Kristian khususnya bagi mazhab Roman Katholik yang mana memperlihatkan kebanyakannya daripada doktrin tersebut mempunyai kaitan yang langsung dengan misi utama Jesus Christ sebagai penebus dosa warisan manusia. Antaranya ialah *Last Supper*, *confession* dan *extreme unction*, *holy order* dan *matrimony* yang jelas menonjolkan kaitan antara manusia dan Jesus Christ melalui *The Holy Spirit* yang menjadi penghubung kasih sayang antara manusia dengan Jesus Christ dan kasih sayang antara manusia dengan Tuhan melalui perantaraan Jesus Christ.

Namun begitu, kedapatan beberapa *sacrament* tersebut seperti baptis, *Last supper* dan *confession* telah diamalkan lama sebelum agama Kristian oleh masyarakat pengikut agama Pagan. Ini mengukuhkan lagi pandangan para sarjana Barat dan Timur yang menyatakan kemasukan St. Paul ke dalam agama Kristian mempunyai maksud tertentu. Tambahan pula St. Paul telah menerapkan beberapa bentuk ajaran agama Pagan seperti konsep triniti, penyelamatan, kematian dan kebangkitan semula Tuhan ataupun *dead rising-God*, anak Tuhan, pengaliran darah, penebusan dosa, perkaitan rapat antara arak dan darah dan pelbagai lagi bentuk fahaman dan ajaran ke dalam agama Kristian. Ianya seolah-olah menonjolkan bahawa St. Paul cuba menarik kemasukan masyarakat *gentile* ke dalam agama Kristian dengan mewujudkan

persamaan dari segi akidah dan ritual keagamaan di antara agama Pagan dan Kristian. Ini sekaligus memperlihatkan usaha St. Paul menjadikan agama Kristian sebagai agama universal ataupun sejagat berjaya dan telah menyerahkan tujuan sebenar St. Paul memeluk agama Kristian iaitu untuk memusnahkan keaslian ajaran agama yang dibawa oleh Jesus Christ dari dalam.

Kelahiran doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian bukan sahaja telah membuka lembaran baru kepada penganut agama Kristian malahan juga kepada para pendita mereka khususnya mazhab Roman Katholik yang telah menetap dan mengiktiraf para *pope* sebagai manusia yang suci daripada dosa ataupun *infallibility of papacy*. Selain daripada itu para paderi dikatakan mempunyai kuasa untuk mendengar dan menghapuskan dosa di dalam diri manusia yang memperlihatkan mereka mendominasi kesemua upacara *sacrament* yang dijalankan dan mempunyai kaitan secara langsung dengan penghapusan dosa dan dosa warisan. Apatah lagi kuasa mengampun dipercayai telah ditauliahkan oleh Jesus Christ kepada para *apostle* beliau yang kemudiannya diturunkan kepada para paderi selepasnya. Keadaan yang sedemikian telah menjelaskan lagi bahawa doktrin-doktrin yang wujud di dalam agama Kristian tidak dapat lari dari pengaruh agama Pagan yang mendominasi masyarakat Kristian pada masa itu yang juga mengajarkan para pendita mereka mempunyai keupayaan mengampunkan dosa manusia.

Justeru, secara keseluruhannya telah memperlihatkan bahawa pembaharuan-pembaharuan ataupun reformasi yang dilakukan di dalam agama Kristian telah merubah keaslian agama tersebut sebagai agama samawi dan secara tidak langsung telah meletakkannya setara dengan agama-agama oriental ataupun budaya apabila pelbagai bentuk kepercayaan dan amalan masyarakat penganut agama Pagan, falsafah dan kebudayaan kuno diadaptasi dan diserapkan ke dalam agama Kristian dengan meletakkannya seolah-olah sebagai salah satu ajaran yang diasaskan oleh Jesus Christ (khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian). Tambahan pula darjat Jesus Christ yang pada asalnya sebagai seorang utusan Tuhan telah diangkat menjadi anak Tuhan kerana semata-mata ingin melupuskan dosa warisan manusia yang diwarisi daripada dosa pertama Adam dan Eve. Walaupun wujud pertentangan di antara para sarjana Kristian dan di dalam bible mereka sendiri tentang kewujudan doktrin-doktrin agama Kristian khususnya doktrin dosa warisan, namun ianya telah dianggap sebagai ajaran rasmi di dalam agama Kristian kerana telah diperuntukkan sedemikian. Walhal agama samawi yang lain khususnya agama Islam telah menolak dengan jelas ajaran yang menyatakan manusia boleh menanggung dosa orang lain yang tidak dilakukannya. Begitu juga di dalam agama Yahudi yang muncul sebelum agama Kristian turut tidak pernah menerima doktrin dosa warisan sepertimana yang terdapat di dalam agama Kristian sebagai salah satu pegangan akidah dan asas di dalam agama.

B. SARANAN

Berdasarkan perbincangan di dalam kajian ini mendapati bahawa penganalisaan terhadap doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian khususnya Katholik telah dilakukan. Namun terdapat beberapa perkara lain yang boleh dibincangkan lebih lanjut. Justeru, kajian ini mengesyorkan beberapa saranan yang perlu dilihat oleh pengkaji seterusnya dan umat Islam amnya dalam perkara-perkara berkaitan Kristian dan Islam.

Antaranya ialah perkara berkaitan Tuhan yang sepatutnya bersifat tidak mempunyai tempoh had dan masa dan tidak sepatutnya bersifat dengan segala sifat kekurangan telah masuk ataupun *incarnate* di dalam diri manusia yang telah menyebabkan Tuhan itu telah dihadkan dari segi masa dan tempat serta memenuhi ruang. Begitu juga dengan ajaran yang menyatakan manusia boleh bersatu dengan Tuhan sebagaimana penyatuan Tuhan di dalam diri Jesus Christ dan penyatuan penganut agama Kristian dengan Jesus Christ sebagai *Son of God*. Konsep yang sedemikian juga terdapat di dalam sesetengah ajaran kerohanian di dalam agama Islam (tarekat) yang mengajarkan konsep *wahdatul wujud* di kalangan pengikutnya yang memperlihatkan manusia dan Tuhan boleh bersatu dan Tuhan itu memenuhi ruang seperti berada di dalam diri mereka, berada di dalam poket baju dan sebagainya. Sedangkan di dalam Islam, hakikat sebenar kedudukan Allah s.w.t tidak diketahui dan tidak pula memenuhi ruang, tempat dan masa seperti makhluk yang memenuhi ruang, tempat dan masa. Justeru, suatu kajian perlu dibuat untuk membuktikan

adakah konsep *wahdatul wujud* itu benar-benar ajaran Islam ataupun merupakan suatu ajaran yang terpengaruh dengan unsur-unsur agama lain.

Kajian ini juga ingin menyarankan agar suatu kajian dilakukan terhadap St. Augustine yang juga mempunyai sumbangan yang besar di dalam membina dan membangun akidah agama Kristian. Jika St. Paul sebagai pengasas kedua agama Kristian dengan membawa perubahan yang besar di dalam agama Kristian melalui akidah triniti yang jelas diperkenalkan oleh beliau di dalam *The New Testament*. Maka adalah tidak mustahil untuk menyatakan St. Augustine sebagai pengasas ketiga agama Kristian yang telah mengasaskan doktrin dosa warisan yang juga telah membawa perubahan besar untuk kali ketiganya di dalam agama Kristian, di mana mungkin St. Paul semasa hidupnya tidak sempat meletakkan asas-asas yang jelas berkaitan dengan doktrin dosa warisan.

Saranan juga dibuat agar suatu kajian yang lebih intensif tentang konsep dan falsafah sebenar *free will* dan nafsu yang ditonjolkan di dalam agama Kristian sebagai kesan daripada dosa warisan dan bukannya merupakan keadaan semulajadi manusia, sebagaimana yang diajarkan oleh Islam bahawa manusia memang diberi kebebasan oleh Tuhan untuk memilih yang baik dan buruk dan Tuhan memang menjadikan nafsu seiring dengan penciptaan manusia. Memang sudah menjadi fitrah semulajadi manusia iaitu mempunyai semangat dan cita-cita untuk terus hidup sebagai khalifah di mukabumi yang tidak dapat tidak bergerak selari dengan *free will* dan nafsu yang mana saling

perlu memerlukan di antara satu sama lain. Dan ini jelas membuktikan bahawa manusia itu memang bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan di atas pilihannya.

Selain daripada saranan tentang bentuk kajian-kajian susulan yang patut dilakukan oleh pengkaji mahupun pembaca lain, kajian ini juga turut mengesyorkan kepada individu Muslim langkah-langkah yang tertentu demi menjaga keagungan dan kelangsungan agama Islam di bumi Allah s.w.t yang tercinta ini. Antaranya ialah:

- a. Umat Islam di Malaysia sepatutnya diberikan pendedahan dengan pengetahuan tentang ilmu perbandingan agama dan menjelaskan kepada mereka betapa peri pentingnya ilmu ini di dalam usaha untuk mengagungkan agama Islam. Ini kerana ilmu perbandingan agama masih dianggap baru di dalam negara ini dan pemikiran masyarakat Islam di Malaysia masih belum begitu terbuka luas untuk menerimanya sebagai salah satu disiplin ilmu di dalam agama Islam. Tambahan pula perkembangan kesedaran tentang agama di Malaysia, bukan hanya berlegar di kalangan umat Islam sahaja sebagaimana yang sering diperkatakan sebagai kebangkitan agama Islam. Walhal secara realitinya perkembangan kesedaran tentang agama juga berkembang pesat di kalangan penganut agama-agama lain, khususnya agama Kristian dan Hindu dan juga agama-agama lain seperti Buddha, Sikh dan Confucius. Ditambah pula dengan suasana amalan beragama sekarang yang terbuka dan menjurus kepada toleransi antara agama

yang agak longgar dan tidak jelas serta kebebasan beragama di kalangan rakyatnya menjadikan agama Islam sebagai agama yang sedang diancam dan terancam, begitu juga dengan umatnya.

- b. Umat Islam hendaklah menyediakan diri mereka untuk menghadapi zaman perlumbaan agama yang lebih mencabar yang mana merupakan zaman maklumat tanpa batasan. Pengetahuan tentang agama selain daripada agama Islam adalah perlu untuk memperlengkapan diri mereka dengan perkara-perkara asas tentang agama lain dan seterusnya menguatkan keimanan mereka dengan agama Islam. Salah anggapan dengan menyatakan bahawa mempelajari agama lain selain daripada agama Islam akan membuatkan umat Islam menjadi seperti mereka hendaklah ditolak. Ini kerana jika proses dan cara pengajaran dan pembelajarannya adalah betul, di samping pengukuhan pegangan akidah tentang agama Islam dapat memelihara diri mereka daripada kerosakan dan terpengaruh dengan ajaran-ajaran agama lain.
- c. Umat Islam perlu juga memperlengkapan diri mereka dengan kemahiran teknologi maklumat. Ini kerana di zaman maklumat tanpa batasan ini propaganda agama melalui kemudahan teknologi maklumat terutamanya melalui internet adalah begitu meluas dan tidak terkawal. Mereka mestilah mempunyai pengetahuan tentang agama Islam yang kuat agar tidak terpengaruh dengan propaganda mereka terutamanya propaganda daripada agama Kristian yang kelihatan lebih tersusun, menarik, menggunakan logik akal, dan boleh mempengaruhi pemikiran dan minda golongan pembaca yang buta agama. Selain daripada itu

mereka juga mengaturkan serangan terhadap agama Islam samada dari segi akidah mahupun ibadah dengan cara halus tanpa disedari oleh golongan pembaca yang akhirnya menyetujui pandangan mereka.

- d. Umat Islam juga hendaklah membebaskan diri mereka daripada kejumudan pemikiran dengan beranggapan bahawa tidak perlu untuk mengetahui malahan mempelajari tentang ajaran-ajaran agama lain selain daripada agama Islam. Tanggapan seumpama ini hendaklah dihapuskan dan dipadamkan di dalam pemikiran masyarakat Islam. Keadaan ini akan membuatkan agama Islam tidak dapat dihebahkan keagungannya melebihi agama-agama lain, lantaran kejahilan masyarakat Islam mengenai agama lain.
- e. Selain daripada masyarakat Islam, golongan pendakwah dan missionari Islam juga hendaklah mempersiapkan diri mereka dengan ilmu perbandingan agama. Selain daripada mengetahui tentang metod-metod dakwah, pengetahuan tentang agama lain juga adalah perlu sebagai pelengkap diri apabila berhadapan dengan para pengikut agama lain khususnya para pendakwah dan missionari Kristian yang mana kegiatan propaganda agama mereka adalah lebih tersusun dan terancang, di samping mempunyai sumber kewangan yang begitu banyak. Dan lebih ditakuti lagi kegiatan mereka adalah berbentuk rahsia ataupun "bawah tanah", walaupun bukan dengan cara militari.
- f. Golongan pendakwah dan missionari Islam juga hendaklah mempersiapkan diri mereka dengan bidang teknologi maklumat

samada dari segi kemahiran teknikal mahupun logistik. Ini kerana penyebaran propaganda agama melalui saluran tersebut adalah lebih mudah, murah dan mampu menarik golongan pembaca. Mereka juga perlu menjadi insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing. Sebagai contoh di dalam hal-hal yang berkaitan dengan *website* ataupun *homepage* di dalam internet. Jika hendak dibandingkan kemahiran penganut agama lain terutamanya agama Kristian adalah jauh terkehadapan berbanding dengan agama Islam. Jumlah *homepage* mereka sahaja telah mendahului jumlah *homepage* yang diusahakan oleh individu mahupun pertubuhan Islam. Ini tidak termasuk tentang pengisian dan kreativiti mereka menjadikan sesuatu *homepage* itu begitu menarik untuk dilawati. Berbanding dengan *homepage* yang diusahakan oleh individu mahupun pertubuhan Islam yang tidak banyak yang setanding dengan mereka. Serangan-serangan yang mereka lakukan terhadap agama Islam, kadangkala tidak terbalas oleh masyarakat Islam dan penghinaan terhadap agama Islam akan berterusan.

- g. Sebagai suatu tambahan, golongan pendakwah dan missionari Islam juga perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu untuk berhujah dan juga ilmu logik akal atau rationalisma. Ini kerana hanya dengan cara ini sahaja mereka dapat mematahkan serangan dan hujah pihak lawan, selain daripada kemahiran memberikan dalil daripada kitab suci mereka dan juga daripada al-Qur'an serta al-Hadith.

h. Selain daripada itu golongan sarjana muslim terutamanya yang terlibat di dalam bidang perbandingan agama juga sepatutnya memainkan peranan mereka di dalam menyebarkan maklumat mengenai agama Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam dengan lebih proaktif. Banyak cara boleh dilakukan dan di antaranya dengan menulis dan menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan bidang perbandingan agama. Ini secara tidak langsung akan menambahkan lagi bahan bacaan yang ditulis dan dikaji sendiri oleh orang-orang Islam. Ini kerana kebanyakan buku-buku yang berkaitan dengan bidang ini adalah ditulis oleh golongan sarjana Kristian Barat dan orientalis yang jelas tujuan mereka antaranya untuk menyerang agama Islam. Mereka juga perlu memperlengkapkan diri dengan bidang teknologi maklumat ataupun tidak menjadi buta maklumat dan sekurang-kurangnya mempunyai *homepage* sendiri untuk menyampaikan propaganda agama Islam dengan lebih mudah dan bukannya menjadi seorang yang mengalami sindrom fobia komputer.

C. PENUTUP

Akhir sekali penulis berharap dengan kajian dan perbahasan yang telah dilakukan di dalam kajian ini akan dapat membantu memberikan sumbangan untuk perjuangan agama Islam. Walaupun sumbangan yang dilakukan tidak sebesar mana, tetapi diharapkan ianya dapat memberikan sedikit manfaat kepada para pembaca dan juga kepada perkembangan agama Islam sebagai agama yang paling tinggi sekali kedudukannya dan tiada agama lain yang

lebih tinggi mahupun ditinggikan daripada Islam. Ianya juga diharapkan agar dapat membuka mata masyarakat Islam di Malaysia untuk turut serta secara aktif memperkembangkan ilmu perbandingan agama di kalangan masyarakat Islam.

Harapan yang tinggi juga diletakkan kepada umat Islam agar sentiasa menjaga kesucian Islam dengan apa cara sekalipun selagi mana ianya tidak bercanggah dengan ajaran dan ketetapan Islam. Moga-moga usaha yang telah dilakukan dalam kajian ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah s.w.t.